

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju Kerajaan Perikatan Nasional berhubung dengan Pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) pada masa kini. Adakah Kerajaan Perikatan Nasional akan meneruskan proses dan mengumumkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Kerajaan terdahulu berkenaan proses pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan yang DiPertua,

Pada 29 Ogos 2018, Yang Berhormat Menteri Pendidikan ketika itu telah mengumumkan penubuhan Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) untuk mengkaji isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan bagi memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Tiga orang ahli PPDUEC yang dilantik pada 29 Oktober 2018 mula menjalankan kajian mulai 29 November 2018. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mengiktiraf peranan PPDUEC sepertimana yang termaktub di dalam Terma Rujukan PPDUEC.

Berdasarkan Terma Rujukan, PPDUEC diberi tempoh sehingga enam bulan untuk mengemukakan laporan kajian kepada KPM selewat-lewatnya pada 28 Mei 2019. Walau bagaimanapun, pihak PPDUEC tidak dapat menyiapkan laporan berkenaan. Oleh itu, tempoh kajian telah dilanjutkan sebanyak enam kali sehingga Februari 2020.

KPM sentiasa berhubung dengan Pengerusi PPDUEC untuk mendapatkan status kemajuan laporan tersebut. Kali terakhir KPM menghubungi beliau adalah pada 2 November 2020. KPM telah dimaklumkan oleh Pengerusi PPDUEC bahawa draf akhir laporan tersebut telah disediakan. Namun, sehingga kini PPDUEC masih gagal menyerahkan laporan kajian berkenaan.

Memandangkan laporan tidak pernah diterima oleh KPM, tiada sebarang hasil kajian dapat diperhalusi atau diteliti oleh pihak Kementerian. KPM akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap laporan tersebut sekiranya ia diserahkan kepada KPM.

Pada masa ini, KPM berpendirian sekiranya mahu dipertimbangkan penyelesaiannya oleh kerajaan, UEC perlu mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.